

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : PUAN VIVIAN WONG SHIR YEE
[SANDAKAN]**

SOALAN NO. 452

Minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah rancangan untuk menambah baik infrastruktur pusat pendidikan khas di Sandakan memandangkan kemudahan yang sedia ada di SMK Muhibbah dan SK Sungai Anib 3 terlalu padat.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) cakna terhadap keselesaan semua murid termasuk murid berkeperluan khas (MBK). Oleh yang demikian, JPN Sabah telah membuat verifikasi bagi mengenal pasti kelas-kelas PPKI yang memerlukan penyelenggaraan dan penambahbaikan. Di Sandakan, terdapat lima buah sekolah telah dikenal pasti dan setiap sekolah tersebut menerima peruntukan sebanyak RM50,000.00.

SMK Muhibbah merupakan salah sebuah daripada lima buah sekolah yang dipilih untuk penyelenggaraan pada tahun 2019. Manakala, bagi SK Sungai Anib III, penyelenggaraan akan dilaksanakan pada tahun 2020 berdasarkan permohonan yang telah dikemukakan.